



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

KOMUNITI RUKUN TETANGGA MEREALISASIKAN ASPIRASI PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA

24 November 2021, Kuala Lumpur – Rukun Tetangga memainkan peranan yang cukup penting untuk membantu Kerajaan dalam meningkatkan keharmonian dan kesejahteraan komuniti Keluarga Malaysia.

2. Sejalan dengan penubuhan Kementerian Perpaduan Negara pada 10 Mac 2020, Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021–2030 telah dirangka untuk memperkasa dan memperkukuhkan lagi peranan Rukun Tetangga sebagai sebuah organisasi sukarela dalam komuniti.

3. Kementerian Perpaduan Negara melalui agensinya, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah mengambil inisiatif menganjurkan Konvensyen Rukun Tetangga 2021 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya di Hotel Impiana, KLCC pada hari ini.

4. Konvensyen bertemakan “Mendepani Cabaran Untuk Kesejahteraan Komuniti” ini adalah berobjektifkan:

- i. Menyediakan platform perkongsian idea dan inisiatif ke arah membentuk komuniti KRT Sejahtera.
- ii. Memberikan inspirasi kepada kepimpinan Rukun Tetangga untuk bersedia menghadapi cabaran dalam menguruskan komuniti masing-masing.
- iii. Memperkasakan tanggungjawab komuniti RT dalam merealisasikan Aspirasi Perpaduan Keluarga Malaysia.

5. Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique telah merasmikan konvensyen yang disertai oleh 100 orang peserta pelbagai kaum dari kalangan Pengerusi KRT, Ahli Jawatankuasa KRT, Jiran Wanita dan Jiran Muda daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang aktif.

6. Seramai tiga (3) orang panel telah dijemput untuk mengupas dan memperhalusi isu-isu serta cabaran semasa Rukun Tetangga seterusnya memperkasa kecemerlangan peranan Komuniti Rukun Tetangga dalam merealisasikan Aspirasi Perpaduan Keluarga Malaysia. Ahli panel terdiri daripada:

i. YBhg Dato' Indera Noridah Abdul Rahim

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

Tajuk: **Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Rukun Tetangga 2021-2030 – *The Way Forward***

ii. YBrs. Tuan Zainudin Haji Ismail

Timbalan Ketua Pengarah (Komunikasi Strategik)

Jabatan Penerangan Malaysia

Tajuk: **Komuniti Keluarga Malaysia**

iii. YBhg. Prof Datin Dr Norizan Binti Abd Razak

Universiti Kebangsaan Malaysia

Tajuk: **Kesejahteraan Komuniti Mendepani Cabaran Masa Kini**

Kementerian Perpaduan Negara

24 November 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat,

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (106)